**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 21 Aug2021 (Saturday)

**Berita Harian**
'Bersatu, ketepi agenda politik' 1
Mora akui PJ City liat 2
TFC, Kedah 'berperang' 3

**Utusan Malaysia**
JDT sedia 'berkubang' demi buru tiga mata 4

**Kosmo**
JDT sanggup berkubang cari tiga mata penuh 5

**Sinar Harian**
Istiadat pembukaan DUN dibuat secara ringkas 6
Sultan Selangor terima menghadap Naib Canselor UPM baharu 7
Selangor bakal tubuh Hab Inovasi Sukan 8

**Berita Harian Online**
Agong titah tamatkan kemelut politik 9

**Bernama Radio 24**
Selangor merekodkan hasilan bahan Buangan berjadual 10

**Nasional FM (87.7)**
Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Selangor Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Berlangsung Khamis Ini 11

**TV3**
SYS 2021 : Cungkil Kreativiti Dan Inovasi Belia Selangor 12

**TV9**
Belanja RM10,000 Kampung dengan jalur Gemilang 13

**The Star**
Time to mve forward and focus on pandemic say pakatan lawmakers 14

**New Straits Times**
NSA in tie-up for STEM forensic science programme 15

**Berita RTM**
Opening Ceremony of Selangor State Assembly Sitting To Be Held Briefly - Speaker 16

**BFM89.9**
Selangor State Legislation Assembly Will Sit On Monday 17
Termination of operating licemses for factories 18
Termination of Operating License For Factories Under Federal Govt 19
Unity Govt At Federal Level Is The Strongest Solution 20

**China Press**
Night market reopens, the hawker must complete 2 doses of vaccination, the customer must show the vaccination certificate. 21

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**Sin Chew Daily**

The number of people in Selangor state meeting must be less than 200; Hold the day after tomorrow and excos must have screening test 22
MPK donates 5800 food baskets to poor families 23

**Nanyang Siang Pau**

Menteri Besar: Selangor government agrees to MOH's request for 500,000 doses of vaccines to be loaned to other states 24
Selangor Government to assist families with RM1000 to reduce burial burden of non-Muslim Covid deceased 25

**Guang Ming Daily**

Volunteers: learning multiple languages to communicate with foreign workers to speed up the vaccination process 26

**Malaysia Nanban**

Selangor recovering from Covid-19 27

**Tamil Malar**

Selangor govt loans 500,000 Covid-19 vaccine doses to CITF 28

Opening ceremony of Selangor state legislative assembly sitting to be held briefly 29

**Astro Vinmeen HD**

sunmbangan yang akan datang 30
Tahap ke 2 akan berubah 31

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Bersatu, ketepi agenda politik' |
| Muka Surat | : | 2 |



*Al-Sultan Abdullah (tengah) berkenan hadir mempengerusikan Perbincangan Khas Majlis Raja-Raja di Istana Negara, semalam. Turut berangkat (dari kiri) Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah; Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.*

(Foto ihsan Istana Negara)

# 'Bersatu, ketepi agenda politik'

## Seri Paduka gesa ahli Dewan Rakyat tumpu usaha atasi pandemik, beri khidmat terbaik. kepada rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menitahkan semua Ahli Dewan Rakyat supaya mengetepikan agenda politik dengan bersatu hati dan bersepakat dalam usaha menangani pandemik COVID-19.

Seri Paduka turut mengingatkan semua ahli Dewan Rakyat mempamerkan solidariti dengan memberikan keutamaan, komitmen yang tinggi dan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Baginda bertitah demikian menerusi kenyataan media Istana Negara ketika mengumumkan perlantikan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang juga Ahli Parlimen Bera, sebagai Perdana Menteri kesembilan, semalam.

Kenyataan baginda itu dikeluarkan Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin.

"Seri Paduka Baginda menzahirkan pandangan dengan pelantikan Perdana Menteri ini, maka kerajaan perlu meneruskan usaha memerangi pandemik COVID-19 segera demi kemaslahatan dan keselamatan rakyat serta kesejahteraan negara yang amat terkesan akibat krisis dan ancaman pandemik ini.

"Baginda menzahirkan harapan agar dengan pelantikan baharu ini, kemelut politik dapat diakhiri segera dan semua ahli Dewan Rakyat dapat mengetepikan agenda politik dengan bersatu hati dan bersepakat berusaha menangani pandemik COVID-19 demi kepentingan rakyat dan negara," katanya.

Ahmad Fadil berkata, Yang di-Pertuan Agong mengulangi pandangan bahawa rakyat tidak wajar dibebankan kemelut politik tidak berkesudahan ketika negara bergelut menghadapi isu kesihatan dan kemurungan ekonomi akibat COVID-19.

Dalam pada itu, beliau berkata, Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan setinggi penghargaan di atas sokongan berterusan Raja-Raja Melayu dalam menyempurnakan tanggungjawab selaku Raja Berperlembagaan yang berteraskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Kedaulatan Undang-Uundang.

"Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu turut menyokong pendirian Seri Paduka kepada pembentukan kerajaan stabil secepat mungkin, berikutan peletakan jawatan Perdana Menteri dengan melakukan penelitian dan pemerhatian lebih mendalam menerusi surat akuan dan pengesahan melalui sesi menghadap secara fizikal serta maya dengan setiap ahli Dewan Rakyat.

"Seri Paduka menyeru seluruh rakyat agar terus bertenang dan bersama baginda mendoakan agar negara sentiasa berada di bawah lindungan Allah, dijauhi musibah dan wabak COVID-19 dapat dibendung serta diakhiri dengan segera," katanya.

Sebelum membuat pengumuman itu, Seri Paduka berkenan mempengerusikan sesi Perbincangan Khas Majlis Raja-Raja yang turut membincangkan pelantikan Perdana Menteri baharu yang dijadualkan mengangkat sumpah jawatan hari ini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Mora akui PJ City liat |
| Muka Surat | : | 38 |

# Mora akui PJ City liat

**Johor Bahru:** Meskipun Johor Darul Ta'zim (JDT) semakin hampir menjuarai Liga Super buat kali kelapan berturut-turut, Benjamin Mora tetap mahu bersikap berwaspada apabila berdepan PJ City FC pada aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), malam ini.

Pengendali JDT itu menegaskan skuad P Maniam agak liat untuk ditewaskan dengan pemainnya gemar bermain secara kompak di posisi tengah dan pertahanan sekali gus menyukarkan barisan tengah dan serangan mereka melakukan percubaan.

Apapun, pengendali kelahiran Mexico itu lega selepas barisan pemainnya mendapat rehat yang mencukupi apabila tiada aksi sepanjang dua minggu bagi memberi laluan untuk Kedah Darul Aman FC (KDA FC) melengkapkan jadual perlawanan yang tertunda.



*Benjamin Mora*

"Sememangnya ia beri ruang kepada pemain untuk berehat seketika selepas mengharungi aksi kompetitif dengan jadual yang begitu padat. Kini kami kembali semula menjalani latihan bagi persiapan menentang PJ City FC.

"Untuk pertembungan ini ia amat penting bagi mengekalkan momentum kemenangan. Kami enggan keciciran mata berikutan pencabar lain seperti Terengganu FC, Penang FC dan Kedah mula rapat," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | TFC, Kedah 'berperang' |
| Muka Surat | : | 38 |

Liga Super

# TFC, Kedah 'berperang'

## Jaguh utara, pantai timur buat perhitungan menuju puncak

**Oleh Zulfaizan Mansor**
zulfaizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertembungan Terengganu FC (TFC) dan Kedah Darul Aman FC (KDA) di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Gong Badak, malam ini, boleh dianggap perlawanan paling mencuri tumpuan peminat bola sepak tanah air bagi minggu ini.

Keputusan perlawanan antara jaguh pantai timur dan utara itu bakal mempengaruhi perebutan tempat kedua Liga Super selain turut akan memberi bayangan pasukan mana yang masih berpeluang mengejar Johor Darul Ta'zim (JDT) di puncak liga.

Kedua-duanya memerlukan kemenangan dengan TFC mahu mengukuhkan cengkaman di kedudukan kedua manakala KDA pula mahu meneruskan hasrat mereka untuk mengejar JDT atau setidak-tidaknya meraih gelaran naib juara musim ini.

Biarpun hanya mengutip 29 mata dan berada di tangga keempat liga ketika ini, namun KDA masih berpeluang cerah memperbaiki kedudukan mereka kerana masih kekurangan tiga perlawanan berbanding pasukan lain.



*Pemain Kedah FC menjalani latihan bagi menghadapi TFC malam ini.*
(Foto ihsan FB Kedah Darul Aman FC)

Berdasarkan jumlah perbezaan mata dan ramalan beberapa pemerhati bola sepak negara, JDT dianggap sudah hampir pasti akan mengekalkan kejuaraan buat kali kelapan berturut-turut.

Mendahului lapan mata di kedudukan teratas, skuad Harimau Selatan sebenarnya tidak perlu mengharapkan keputusan yang diraih TFC dan KDA, sebaliknya anak buah Benjamin Mora hanya perlu fokus untuk baki empat perlawanan liga lagi bagi mengesahkan kejuaraan.

Berdepan PJ City FC di Stadum Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), JDT dijangka tidak berdepan masalah untuk terus mengorak langkah menuju ke penamat musim ini dengan mempertahankan kejuaraan Liga Super yang dimenangi sejak 2014.

Satu lagi aksi yang menarik adalah pertembungan pasukan sedang bergelut, Perak FC dan Selangor FC di Stadium Perak, Ipoh.

Perak FC amat memerlukan tiga mata penting bagi menghidupkan peluang mereka keluar dari zon bahaya, sekali gus tidak mencipta sejarah buruk tersingkir ke Liga Perdana buat kali pertama.

Namun, laluan skuad Bos Gaurus bukan mudah kerana skuad Red Giants kini berada pada prestasi meyakinkan selepas merekodkan kemenangan bersih dalam tiga aksi terakhir mereka.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 21 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | JDT sedia 'berkubang' demi buru tiga mata |
| Muka Surat | : | 38 |



PEMAIN JDT menjalani latihan akhir di Johor kelmarin menjelang pertemuan menentang Petaling Jaya City di Stadium Petaling Jaya malam ini. - IHSAN JOHOR SOUTHERN TIGERS

# JDT sedia 'berkubang' demi buru tiga mata

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Johor Darul Ta'zim (JDT) sedia 'berkubang' di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) malam ini demi mengutip tiga mata ke atas Petaling Jaya (PJ) City.

Skuad Harimau Selatan bakal dinobat lebih awal sebagai juara Liga Super kelapan berturut-turut jika memenangi dua perlawanan terdekat.

Ketika ini, hanya Terengganu dan Kedah yang akan berentap sesama sendiri di Gong Badak mampu menjadi pencabar utama anak-anak buah Benjamin Mora.

Bagaimanapun menerajui liga dengan lapan mata mengatasi Terengganu meletakkan JDT sukar digugat ketika kempen berbaki empat perlawanan.

Kemenangan ke atas PJ City bermakna Harimau Selatan akan mengumpul 48 mata, dan jika Terengganu kalah mereka sudah boleh melupakan kejuaraan.

Begitupun, Kedah yang memiliki tiga perlawanan secara matematiknya masih mampu memberi cabaran.

Mora berkata, pasukannya tidak perlu memikirkan tentang pesaing mereka, sebaliknya fokus memburu tiga mata malam ini biarpun padang MBPJ tidak segah infrastruktur JDT.

"Kalau nak bercerita mengenai kemudahan stadium, tidak ada satu pun padang di Malaysia setanding fasiliti bertaraf dunia yang disediakan JDT.

"Kalau ada pun, hanya padang Terengganu yang menepati citarasa kami.

"Keadaan padang di tempat lawan juga boleh menjadi kelebihan buat mereka untuk berdepan kami. Ini bukanlah isu besar kerana ia sudah menjadi resam dalam dunia bola sepak.

"Kami perlu memberi tumpuan terhadap apa yang kami mampu persembahkan di atas padang bukan keadaan persekitaran dan menukar strategi mengikut kesesuaian bagi memburu tiga mata," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 21 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | JDT sanggup berkubang cari tiga mata penuh |
| Muka Surat | : | 39 |

# JDT sanggup 'berkubang' cari tiga mata penuh

**PASUKAN** Johor Darul Ta'zim (JDT) sedia 'berkubang' di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Selangor dalam misi mencuri tiga mata dari skuad PJ City FC pada aksi Liga Super malam ini.

Ketua jurulatihnya, Benjamin Mora berkata, keadaan padang yang tidak segah infrastruktur milik JDT itu tidak seharusnya menjadi alasan kegagalan anak buahnya untuk menuai tiga mata, sekali gus membawa mereka menghampiri gelaran juara liga buat kali kelapan.

Katanya, skuad Harimau Selatan hanya mengikut perancangan dan strategi ampuh yang direncanakan bagi menghadapi PJ CIty yang selalu memberi kesukaran buat JDT, selain menjanjikan satu pertemuan sukar buat pasukan bimbingannya.


MORA

"Jika nak bercerita mengenai kemudahan stadium, tidak ada satu pun padang di Malaysia ini yang setanding dengan fasiliti bertaraf dunia yang disediakan oleh JDT di Johor. Kalau ada pun, hanyalah padang pasukan Terengganu yang menepati citarasa kami.

"Keadaan padang di gelanggang lawan juga boleh menjadi kelebihan buat pasukan lawan untuk berdepan kami. Bagi kami, ini bukanlah isu yang besar kerana ia sudah menjadi resam dalam dunia bola sepak.

"Jadi, seharusnya kami perlu memberi tumpuan terhadap apa yang kami mampu persembahkan di atas gelanggang, bukannya keadaan persekitaran dengan menukar strategi permainan mengikut kesesuaian bagi memburu tiga mata," katanya kepada pemberita.

Dalam pada itu, Mora berharap Leandro Velazquez mampu terus mempamerkan magisnya mengulangi kecemerlangan yang dipersembahkan ketika membantu pasukan mencatatkan kemenangan 2-0 ke atas Sabah FC sebelum ini.

Katanya, Leandro ialah seorang pemain yang serba lengkap yang diidamkan oleh mana-mana pengurus pasukan kerana bijak membaca permainan, mampu menjana serangan dari pelbagai arah selain mempamerkan semangat juang yang tinggi.

"Leandro yang bergandingan dengan Safiq Rahim di bahagian tengah membentuk pasangan yang ideal dan saling melengkapi. Gandingan dua pemain tengah yang berkaliber ini mampu menjadikan jentera serangan dan menjadi lebih agresif dengan umpanan hantaran yang berbahaya," jelasnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Istiadat pembukaan DUN dibuat secara ringkas |
| Muka Surat | : | 24 |

# Istiadat pembukaan DUN dibuat secara ringkas

Kehadiran sekitar 150 orang berbanding 500 orang pada persidangan sebelum ini

**SHAH ALAM**

Istiadat pembukaan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke-14 pada Isnin ini (23 Ogos) akan berlangsung secara ringkas dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Speaker DUN Selangor, Ng Suee Lim berkata, majlis akan berlangsung secara penuh istiadat namun diringkaskan dengan kehadiran sekitar 150 orang berbanding 500 orang pada persidangan DUN biasa sebelum ini bagi mengelak terlalu ramai orang berkumpul.

Beliau berkata, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan untuk merasmikan istiadat pembukaan tersebut yang akan turut disertai Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"Istiadat pembukaan kali ini berlangsung tanpa acara perbarisan dan pemeriksaan kawalan kehormat oleh Sultan Selangor," katanya pada sidang media di sini pada Jumaat.

Sebagai langkah keselamatan katanya, ujian saringan Covid-19 dilaksanakan selama dua hari bermula Khamis kepada semua pihak yang akan hadir pada istiadat pembukaan itu nanti.



SUEE LIM

Suee Lim berkata, setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah diberi lima kit ujian RTK-Antigen untuk membuat ujian kendiri pengesanan Covid-19 sepanjang sidang DUN yang berlangsung hingga 6 September.

"Setiap ADUN boleh membuat ujian tersebut selang dua atau tiga hari sepanjang dua minggu persidangan dan sekiranya positif, mereka tidak boleh hadir dan tindakan susulan lain akan diambil.

"Kerajaan negeri komited untuk memastikan sidang kali ini dibuat secara kehadiran penuh meskipun dalam keadaan pandemik ketika ini kerana reka bentuk dewan telah mematuhi penjarakan fizikal selain langkah-langkah kawalan pencegahan Covid-19 lain akan dilaksanakan," katanya.

Suee Lim berkata, antara usul utama yang akan dibawa ialah meminda Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1995 untuk memasukkan satu klausa iaitu pada waktu ketika luar jangka, kemudaratan, bencana dan sebagainya, Speaker akan diberi kuasa untuk boleh mengadakan sidang secara maya atau hibrid sekiranya perlu.

"Sekarang ini perkara itu tidak ada dalam Peraturan Tetap, jadi kita nak pastikan ia lebih sempurna kalau usul ini diluluskan kita akan hantar kepada Jawatankuasa Peraturan Tetap untuk kita teliti dan diangkat semula pada persidangan belanjawan akan datang," katanya.

Beliau berkata, DUN Selangor adalah negeri pertama setakat ini mengadakan usul bagi pindaan Peraturan Tetap untuk membolehkan persidangan dilakukan secara hibrid atau maya.

"Ini persediaan untuk 20 ke 30 tahun akan datang mungkin kita tak pakai (sekarang) tetapi buat persediaan lebih rapi kerana dewan kita adalah mulia dan unggul jadi kita mahu segalanya berjalan sempurna," jelasnya. - *Bernama*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 21 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Sultan Selangor terima menghadap Naib Canselor UPM baharu |
| Muka Surat | : | 24 |



Sultan Sharafuddin (tengah) bergambar bersama-sama Tengku Amir Shah (kiri) dan Mohd Roslan di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada Khamis.

# Sultan Selangor terima menghadap Naib Canselor UPM baharu

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima menghadap Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baharu, Profesor Dr Mohd Roslan Sulaiman di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam di sini pada Khamis.

Selangor Royal Office dalam satu kenyataannya memaklumkan, pelantikan Mohd Roslan berkuatkuasa 1 September depan sehingga 31 Ogos 2023.

"Baginda yang juga Canselor UPM diberi taklimat ringkas mengenai visi dan hala tuju universiti itu khususnya dalam aspek pemerkasaan bidang penyelidikan dan juga sektor pertanian berteknologi tinggi," kata kenyataan itu yang memuat naik status di Facebook pada Khamis.

Kenyataan itu memberitahu, turut berangkat pada pertemuan itu ialah Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 21 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor bakal tubuh Hab Inovasi Sukan |
| Muka Surat | : | 25 |

# Selangor bakal tubuh Hab Inovasi Sukan

**SHAH ALAM -** Kerajaan Selangor akan mewujudkan Hab Inovasi Sukan Selangor di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sebagai langkah menambah baik program sains sukan dan meningkatkan tahap inovasi atlet di negeri ini.

Exco Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan Selangor, Khairuddin Othman berkata, ia juga bertujuan memberi fokus dalam bidang itu sekali gus mengurangkan peruntukan dengan membawa teknologi itu dari luar negara.

Menurutnya, Majlis Sukan Negara (MSN) yang mengendalikan bidang sains sukan hanya memberi fokus kepada pembinaan fizikal, kesihatan fizikal dan biomekanik dalam kalangan atlet di Selangor.

"Kerajaan Selangor berpendapat kita perlu memberi peluang kepada belia untuk menyumbangkan idea inovasi dalam bidang ini berikutan pelaburan besar dalam teknologi sukan.

"Semua teknologi dalam bidang sukan mempunyai kelebihan tetapi saya mahu Selangor mempunyai badan khas untuk menjaga inovasi tersebut dengan memberi peluang kepada rakyat tempatan khususnya belia atau pakar bidang itu," katanya ketika sidang akhbar Majlis Pelancaran Selangor Youth Skills (SYS) 2021 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), di sini pada Jumaat.

Program SYS merupakan inisiatif kerajaan Selangor untuk membangun kemahiran, inovasi dan kreativiti serta mencungkil bakat golongan belia.

FOTO: SINAR HARIAN/ROSLI TALIB




**Khairuddin menyaksikan gimik pelancaran program Selangor Youth Skills 2021 di Bangunan SSAAS, pada Jumaat.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 20 August 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Agong titah tamatkan kemelut politik |
| Muka Surat | : | - |



## Agong titah tamatkan kemelut politik

Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat menghadiri dan mempengerusikan Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara, hari ini. - Gambar ISTANA NEGARA

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan harapan pelantikan Perdana Menteri baharu, dapat menamatkan kemelut politik dengan segera.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata baginda bertitah supaya semua Ahli Dewan Rakyat dapat mengetepikan agenda politik dengan bersatu hati dan bersepakat berusaha menangani pandemik COVID-19, demi kepentingan rakyat dan negara.

"Ahli-ahli Dewan Rakyat turut diingatkan supaya mempamerkan solidariti dengan memberikan keutamaan, komitmen yang tinggi dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

"Seri Paduka Baginda turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dalam menyempurnakan tanggungjawab baginda, selaku Raja Berperlembagaan yang berteraskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Kedaulatan Undang-undang," katanya.

DISYORKAN UNTUK ANDA
- Belanjawan 2021: Agong terima mengadap Menteri Kewangan
- Muhyiddin wajar letak jawatan - Zahid
- Kenyataan penuh Istana Negara mengenai kedudukan Ordinan Darurat
- Junjung kasih Yang di-Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat menghadiri dan mempengerusikan Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara, hari ini.

Turut berangkat Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ahmad Fadil berkata, Yang di-Pertuan Agong mengulangi pandangan rakyat tidak wajar dibebankan dengan kemelut politik yang tidak berkesudahan ketika negara bergelut menghadapi isu kesihatan dan kemurungan ekonomi akibat COVID-19.

Dalam pada itu, beliau berkata, Al-Sultan Abdullah menzahirkan setinggi penghargaan di atas sokongan berterusan Raja-Raja Melayu dalam menyempurnakan tanggungjawab selaku Raja Berperlembagaan yang berteraskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Kedaulatan Undang-undang.

"Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu turut menyokong pendirian Seri Paduka Baginda kepada pembentukan kerajaan yang stabil dengan secepat mungkin, berikutan peletakkan jawatan Perdana Menteri dengan melakukan penelitian dan pemerhatian yang lebih mendalam, menerusi surat akuan dan pengesahan melalui sesi menghadap secara fizikal serta maya dengan setiap Ahli Dewan Rakyat.

"Seri Paduka Baginda turut menyeru seluruh rakyat agar terus bertenang dan bersama baginda mendoakan agar negara sentiasa berada di bawah lindungan Allah, dijauhi dari sebarang musibah dan wabak COVID-19 dapat dibendung serta diakhiri dengan segera," katanya.

BERITA BERKAITAN
- Al-Sultan Abdullah lafaz sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-16
- Agong berkenan Ismail Sabri dilantik Perdana Menteri
- Ikrar Al-Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16
- Agong perkenan pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara

